

Permintaan Rakyat Mudah Je



PEMULIHAN NASIONAL
HALUAN BARU UNTUK MALAYSIA

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| Pengenalan | 1 |
| Teras 1: Memperkasakan Perlindungan Sosial | 4 |
| Teras 2: Skim Jaminan Kerja | 11 |
| Teras 3: Perumahan Hak Rakyat | 17 |
| Teras 4: Tingkatkan Khidmat Kesihatan Awam | 20 |
| Teras 5: Tangani Krisis Iklim Segera | 22 |
| Data | 24 |
| Rangkuman | 28 |

Disediakan oleh:
Parti Sosialis Malaysia

Alamat e-mel:
pusat@partisosialis.org

Facebook:
Parti Sosialis Malaysia

Twitter:
[@partisosialis](https://twitter.com/partisosialis)



PENGENALAN

Kelemahan struktur pentadbiran Malaysia telah didedahkan pada tahun 2020 apabila pandemik COVID-19 menyerang dan memberikan tamparan yang terdahsyat sejak merdeka kepada sosioekonomi dan politik negara. Sistem ekonomi neoliberal yang dianuti sejak lebih 40 tahun lalu oleh Barisan Nasional dan diteruskan pula oleh Pakatan Harapan dalam pemerintahan singkat mereka selama 22 bulan, jelas gagal melindungi rakyat terbanyak apabila sebuah pandemik sebegini menyerang kita.

Pemerintahan ala kapitalisme yang prokorporat telah melemahkan batu asas jaringan perlindungan sosial selama ini lalu mendedahkan rakyat kepada pelbagai tekanan sosioekonomi. Kegagalan tersebut perlu diatasi jika kita sebagai sebuah negara, bukan sahaja dapat pulih dari pandemik ini tetapi sekaligus mengukuhkan asas jaringan perlindungan sosial supaya kita bersedia menangani cabaran pada masa akan datang.

Pengajaran Pandemik 2020

Selain daripada penderitaan yang telah dan sedang dilalui oleh rakyat, pandemik ini juga mengajar kita beberapa nasihat yang penting iaitu;

- Apa jua krisis menyerang, rakyat termiskin B40 akan menerima kesan yang terdahsyat. Walaupun krisis pandemik COVID-19 tidak mengenal kaya maupun miskin, pengalaman menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah, perumahan, jaminan kerja dan persekitaran memainkan peranan yang penting dalam menentukan daya tahan sesebuah keluarga apabila COVID-19 menyerang.
- Pekerjaan dan sumber rezeki kita yang dahulu dianggap berkekalan boleh hilang sekilip mata. Tanpa jaringan perlindungan sosial yang baik, kita akan terus terhumban dalam kemiskinan. Ramai keluarga M40 kini ditolak ke situasi B40 juga apabila mereka diberhentikan kerja atau hilang punca pendapatan dengan mengejut.
- Walaupun industri swasta dan korporat diagung-agungkan sebagai entiti yang paling penting memacu pembangunan negara selama ini, apabila negara diserang krisis, pihak yang berjaya mendukung rakyat dalam pandemik adalah perkhidmatan hospital kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Perkembangan sektor hospital swasta dan pembangunan pelancongan kesihatan gagal memberikan sumbangan yang signifikan kepada rawatan pesakit COVID-19.

- Sektor ekonomi bekalan kemudahan asas terbukti menjadi (essential) amat penting kepada rakyat pada masa krisis. Peniaga kecil, petani, pekerja penyelenggaraan, pembersihan, pemungut sampah, pemandu lori, penghantaran barang, mereka yang memainkan peranan paling penting. Jika petani tempatan diabaikan dan produk pertanian import tergendala, maka bekalan makanan kepada rakyat akan terputus.
- Jika rakyat tiada daya tahan untuk melawan krisis kesihatan COVID-19, bagaimana pula rakyat akan menghadapi krisis iklim yang impaknya berlipat kali ganda lebih teruk? Maka, isu pembalakan tanpa kawalan, pencemaran sungai, perlombongan mineral perlu ditangani dengan segera.
- SOP dan syarat-syarat menjauhi jangkitan COVID-19 hanya boleh dilaksanakan jika kita mempunyai rumah yang memadai dan persekitaran yang baik. Impak kuarantin mempunyai kesan yang berbeza kepada marhaen yang tinggal di dalam sebuah rumah PPR 650 kaki persegi berbanding dengan sebuah keluarga yang duduk dalam banglo mewah di Damansara. Perumahan sendiri juga penting bagi rakyat yang dilanda krisis.

Tujuan

Parti Sosialis Malaysia (PSM) mengutarakan dokumen ini sebagai dokumen asas kempen mendesak kerajaan mengolah polisi-polisi kritikal. Dokumen ini:

- bertumpukan pada perubahan sistem pemerintahan kepada yang bersandarkan kepentingan rakyat terbanyak bukan golongan elit politik dan korporat.
- berlandaskan naluri kemanusiaan yang bersolidaritas dan bukannya bersaing antara satu sama lain.
- berasaskan kemakmuran bersama yang sebenar dan bukan sekadar retorik politik.
- menuju ke arah memperkasakan penglibatan rakyat terbanyak dalam proses perancangan.
- menentukan hala tuju pembangunan negara.

Lima teras pelan aksi ini akan menyediakan rakyat menghadapi cabaran ekonomi mahupun sosial pada masa akan datang, berdaya tahan sebagai suatu komuniti Malaysia yang adil dan saksama.

Setiap satu teras tuntutan di kembangkan dalam bab-bab seterusnya.

Selaras dengan pengajaran penting itu, pelan tindakan PSM “Permintaan Rakyat Mudah Je” menawarkan suatu paradigma baru untuk Malaysia ke arah pembangunan yang adil, lestari dan saksama.

Parti Sosialis Malaysia memperkenalkan pelan tindakan ini berdasarkan 5 teras utama iaitu;

TERAS 1
MEMPERKASAKAN PERLINDUNGAN SOSIAL

TERAS 2
SKIM JAMINAN KERJA

TERAS 3
PERUMAHAN HAK RAKYAT

TERAS 4
TINGKATKAN KHIDMAT KESIHATAN AWAM

TERAS 5
TANGANI KRISIS IKLIM SEGERA

Teras 1

MEMPERKASAKAN PERLINDUNGAN SOSIAL

Ekonomi Gig adalah satu trend sistem pasaran bebas yang memberi kebebasan kepada organisasi atau pekerja untuk menjalani kontrak kerja suka sama suka tanpa perlu mengajukan pekerja sepenuh masa.

Kini, lebih 30% anak muda di Malaysia terlibat dalam kerja Gig ekonomi ini. Manakala, PERKESO menyatakan walaupun mereka menyasarkan dalam 400 000 pekerja Gig ekonomi untuk menjadi pencarum PERKESO tetapi setakat Jun 2020 hanya seramai 28 500 ribu sahaja (7%) menjadi pencarum. Semua pekerja ini bekerja atas platform online. Mereka tidak mempunyai sebarang perlindungan kerja.

Adakah simpanan di KWSP akan membantu mereka? Mengikut statistik Kerajaan, hanya 6.5 juta pekerja di Malaysia mempunyai simpanan di KWSP dan juga analisa menyatakan majoriti pekerja yang merupakan pekerja berpendapatan rendah, maka simpanan mereka hanya boleh membantu lebih kurang 5 tahun selepas persaraan. Apakah penyelesaian bagi masalah rakyat majoriti ini di masa usia tua? Atau selepas persaraan?

Maksudnya, dalam umur 65 tahun semua simpanan mereka akan habis. Apa keadaan mereka selepas itu? Bergantung kepada ahli keluarga yang juga menghadapi tekanan tinggi akibat pendapatan yang tidak mencukupi. Satu lagi kategori adalah pekerja di sektor tidak formal yang lebih kurang 2 million yang tiada simpanan langsung dan juga pekerja persendirian di tahap mikro yang tiada sokongan simpanan yang kuat di masa tua.

1.1 Skim Jaminan Pendapatan Asas (*Guaranteed Basic Income*) RM1,000 sebulan kepada keluarga yang hilang punca pendapatan akibat PKP Covid 19.

PSM melihat Jaminan Pendapatan Asas (JPA) sebagai dasar yang patut dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang akan kita hadapi disebabkan kemelesetan yang terjadi di Malaysia sekarang. Kerajaan mesti memastikan mereka dapat memperoleh pendapatan untuk membeli keperluan asas.

Kami mencadangkan satu bentuk *Universal Basic Income (UBI)* yang diubah suai, dengan pengecualian kepada mereka yang :

- Sedang mencarum pada Perkeso
- Menerima pencen tetap (pesara kerajaan atau lain) lebih dari RM1,000/sebulan
- Kakitangan kerajaan
- Terlibat dalam apa jua skim jaminan kerja Kerajaan
- Mempunyai pendapatan dan layak membayar cukai persendirian
- Masih mempunyai pekerjaan di sektor awam atau swasta

Cadangan ini dikhurasukan kepada sesiapa yang kehilangan sumber pendapatan seperti pekerja di sektor formal, pekerja persendirian berskala kecil, peniaga bersifat mikro yang kehilangan punca pendapatan pada waktu ini. Anggaran peruntukan yang diperlukan jika skim ini dipanjangkan kepada 700,000 keluarga (10%) sebanyak RM1000 sebulan, maka kita memerlukan RM8.4 bilion setahun.

Kini, bantuan yang diberikan oleh Kerajaan seperti Subsidi Upah ataupun SIP dari PERKESO hanya membantu pekerja sektor formal sahaja, manakala lebih kurang 3 juta pekerja tidak formal dan 2 juta yang terlibat dalam pekerjaan sendiri tiada sebarang sistem sokongan apabila mereka hilang punca pendapatan di masa pandemik ini.

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

A, A. (2018, June 11). [Malaysia, it is time to talk about Universal Basic Income](#). Azonomics.

[Apakah Pendapatan Asas Universal?](#) (n.d.). MS History Hub.

[Can UBI concept be the saviour during Covid-19 economic fallout?](#) (2020, November 25). Bernama.

Devaraj, J. (2020, May 17). [Implement a modified universal basic income scheme urgently](#). Aliran.

[K'jaan digesa perkenal program pendapatan asas sejagat bagi golongan tiada pendapatan](#). (2020, June 14). MalaysiaKini.

Kumar, S. (n.d.). [Program Pendapatan Asas Sejagat Bagi Golongan Tiada Pendapatan](#). Makkal Osai.

Loh, J. (2020, December 3). ULASAN | [Perihal pendapatan asas sejagat](#). MalaysiaKini.

Mohd Sanusi, R. (2020, November 5). [Model ekonomi baharu perlu dilaksanakan](#). © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf. Sinar Harian.

Parti Sosialis Malaysia. (2020, June 17). [Ada apa dengan Pendapatan Asas Sejagat \(UBI\)?](#)

Pemuda Sosialis. (2020a, June 10). [Kenapa perlu UBI sekarang? #Bicarapekerja3](#).

Pemuda Sosialis. (2020b, June 13). [The Need for Universal Basic Income \(UBI\)](#).

Shah, S. A. (2021, February 8). [Malaysia's unemployment rate reached 27-year high](#). The Malaysian Reserve.

Sivarajan, A. (2021, January 31). [Universal basic income: COVID-19 has shown the poor need such a scheme!](#)

1.2 Hapuskan Penyumberluaran Khidmat Pembersihan dan Keselamatan di premis Kerajaan Secara Kontrak. Hapuskan Sistem Kerja Kontrak, Pekerjaan Tetap Demi Jaminan kerja.

Hanya di sekolah dan hospital kerajaan sahaja, terdapat lebih kurang 230 ribu pekerja. Ini belum lagi mengambil kira semua bangunan kerajaan yang lain. Sebelum pertengahan 1990-an, semua pekerja pembersihan, pekebun dan pengawal keselamatan di bangunan kerajaan adalah pekerja kerajaan yang mempunyai jaminan kerja. Namun sejak dasar penswastaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke 4 – Tun Dr. Mahathir pada tahun 1997, sistem ini telah ditukar kepada sistem kontrak dimana semua kerja-kerja ini telah disumberluarkan kepada syarikat swasta dan hal ini telah menghancurkan jaminan kerja serta mewujudkan budaya kronisme.

Tuntutan pekerja-pekerja ini adalah untuk menghapuskan sistem kontrak dan serap semula semua pekerja ini sebagai pekerja tetap seperti mana yang telah dilakukan sebelum 1996.

Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan iaitu suatu organisasi dari Parti Sosialis Malaysia dianggotai oleh pekerja-pekerja dari premis kerajaan seperti pembersih, pengawal keselamatan, dan pekebun – telah menjalankan dua kajian untuk mendedahkan penganiayaan & penyelewengan yang berlaku akibat sistem kontrak dan kerajaan akan mendapat faedah jika mengembalikan sistem kerja tetap seperti dahulu.

Manakala kajian kedua mengutarakan kepincangan sistem tender yang membiak amalan kroni dan pembaziran memberikan garis panduan satu sistem baru yang lebih telus yang membantu sistem pengambilan kontraktor yang lebih berwibawa dan dapat memberikan perkhidmatan terbaik di samping memastikan kebijakan dan hak pekerja dijamin.

Semua keratan akhbar dan sumber untuk isu ini dapat dilihat di website JPKK: www.jpkk.org

1.3 Membuat pindaan terhadap undang-undang buruh dan Skim PERKESO untuk beri perlindungan kepada pekerja di bawah ekonomi gig

“Ekonomi gig” adalah satu trend sistem pasaran bebas yang memberi kebebasan kepada organisasi atau pekerja untuk menjalani kontrak kerja suka sama suka tanpa perlu menggajikan pekerja sepenuh masa, lebih dikenali sebagai “freelancer”. Grab, FoodPanda, BungkusIt, dan Lalamove adalah antara contoh pemain besar dalam ekonomi gig Malaysia.

Kini, lebih 30% anak muda di Malaysia terlibat dalam kerja gig. Manakala, PERKESO menyatakan walaupun mereka menyasarkan dalam 400 000 pekerja Gig ekonomi untuk menjadi pencarum PERKESO tetapi setakat Jun 2020 hanya seramai 28 500 ribu sahaja (7%) menjadi pencarum. Semua pekerja ini bekerja atas platform online. Mereka tidak mempunyai sebarang perlindungan kerja. Jika mana-mana pemandu Grab ditimpa kemalangan, tiada sebarang manfaat dari majikan yang digelar platform online ataupun dari sesiapa.

PSM mencadangkan semua pekerja tersebut perlu mendapat perlindungan di bawah PERKESO dan KWSP. Kerajaan harus membawa undang-undang untuk memastikan majikan platform atas talian mewajibkan sumbangan PERKESO dan KWSP.

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

Abdul Ghapar, M. F. (2020, June 10). [PENJANA: Pekerja ekonomi gig terbela, pacu segmen ekonomi](#). Bernama.

[Ekonomi gig mampu jadi sektor pekerjaan stabil, jangka panjang](#). (2020, June 11). Astro Awani.

Ibrahim, M. I., & Alias, A. (2020, June 13). [Sektor ekonomi gig disaran ambil peluang carum PERKESO](#). Berita Harian.

Sivarajan, A. (2021, March 19). [Salurkan bantuan terus kepada pekerja ekonomi gig](#).

1.4 Reformasi dalam Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) supaya semua pekerja dapat menikmati faedah pada waktu kehilangan pekerjaan tanpa syarat yang membebankan

Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) adalah satu skim yang diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu pekerja yang hilang kerja secara tiba-tiba. Tetapi, banyak syarat yang diletakkan dalam SIP yang menjadi penghalang kepada pekerja apabila membuat permohonan. Antaranya:

- Pekerja harus mempunyai 12 bulan caruman untuk layak memohon SIP jika hilang kerja
- Pekerja dalam kerja kontrak (fix term contract) dikecualikan dari faedah tersebut. Memandangkan semua pekerjaan pun menggunakan ‘fix term’ kontrak terhadap pekerja walaupun kerjanya bersifat tetap dan tidak diberi kontrak jangka panjang. Ini menyebabkan pekerja menjadi mangsa oleh majikan dan akhirnya tidak layak menerima SIP juga.
- Jika pekerja yang dibuang kerja oleh majikan, maka kehilangan pekerjaan tidak melayakkkan pekerja untuk mohon SIP.
- Walaupun pekerja melaporkan pembuangan yang tidak sah ke Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) ataupun Jabatan Tenaga Kerja (JTK), pekerja masih dinafikan SIP.


Syarat-syarat seperti ini bertentangan dengan aspirasi pembentukan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kerajaan melaporkan kehilangan pekerja pada musim Covid-19 ini meningkat secara mendadak. Tahun lepas dari awal tahun hingga bulan September 2020 sahaja lebih 80 ribu pekerja telah hilang kerja. Dalam keadaan ini, jika SIP meletakkan syarat-syarat begini, bagaimanakah pekerja dibantu mendapat elauan sementara menunggu mencari pekerjaan baharu? Kami jangkakan pandemik ini akan berterusan lagi dua atau tiga tahun, dan ramai lagi pekerja akan dipermangsakan. Maka, PSM menyarankan agar syarat-syarat dalam SIP ini dilonggarkan atau dihapuskan bagi membantu pekerja.

1.5 Laksanakan Skim Pencen sebulan bagi golongan pesara.

Malaysia menjadi satu negara yang mempunyai jangka hayat yang tinggi. Rata-rata, jangka hayat rakyat Malaysia tetap stabil sekitar 74.5 tahun dari 2013 hingga 2019, dengan anggaran bahawa jangka hayat akan meningkat kepada 75 dan 80 tahun untuk lelaki dan wanita masing-masing menjelang 2025. Apabila jangka hayat meningkat, satu lagi kerisauan adalah bagaimana pekerja-pekerja ini akan menyara hidup setelah persaraan.

Malaysia telah menjadi satu negara yang mempunyai jangka hayat yang tinggi.

Carta 1: Jangkaan Hayat Ketika Lahir, Malaysia, 2013-2019



Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

PSM menyarankan Kerajaan memperkenalkan skim persaraan (RM450 sebulan) bagi golongan usia tua, 65 tahun keatas di Malaysia. Manakala, bank dunia turut menyarankan Kerajaan Malaysia untuk menimbang skim persaraan RM350 bagi warga tua B40. Jika dianggarkan bahawa terdapat 2 juta pesara (mengecualikan pesara Kerajaan dan juga mereka yang menerima bantuan bulanan PERKESO) kita memerlukan 2 juta pesara x RM450/bulan x 12, iaitu sejumlah RM 10bil setahun.

Kerajaan juga disarankan mewujudkan suatu skim pencen ilat untuk semua pekerja pertanian, petani dan peniaga kecil sektor tidak formal (*informal*). Maka jika Kerajaan mencarum RM15 seorang sebulan untuk perlindungan atau RM180 setahun , perbelanjaan tersebut memakan sebanyak RM 900 juta setahun untuk 5 juta pekerja (anggaran) dalam sektor ini.

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

Aiman, A. (2020, November 24). Beri RM350 sebulan untuk warga tua B40, naikkan umur keluar duit KWSP kepada 65 tahun, gesa Bank Dunia. Free Malaysia Today.

Selvaratnam, T. (2020, November 2). Simpan KWSP untuk hari tua. The Malaysian Insight.

1.6 Wajibkan Jawatankuasa COVID-19 di tempat kerja yang diwakili oleh majikan, pekerja dan kesatuan untuk pastikan semua prosedur KKM diikuti secara ketat

Kini kes-kes meningkat setiap hari sehingga mencapai lebih 20,000 kes setiap hari. Namun, kegiatan ekonomi dibenarkan berjalan seperti biasa disebabkan tekanan ekonomi. Namun, kerajaan mengarah agar memastikan semua tempat kerja mematuhi SOP Covid-19 secara ketat. Walaupun dikatakan sebegitu, tempat kerja juga adalah satu tempat yang berisiko tinggi dan menjadi punca peningkatan kes Covid.

Oleh itu, bagaimanakah kerajaan memastikan semua SOP diikuti ketat oleh semua pihak di tempat kerja? Pada masa sekarang, pihak syarikat menyatakan mereka memang mengikuti semua SOP tetapi kes Covid masih pada tahap tinggi. Maka, untuk mewujudkan suasana yang lebih serius di tempat kerja dalam menghindari wabak Covid, PSM menyarankan suatu polisi di mana pengwujudan kesatuan sekerja sebagai keperluan penting yang mewakilkan suara pekerja di setiap tempat kerja.

Teras 2

SKIM JAMINAN KERJA

Skim Jaminan Kerja adalah sebuah dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Skim ini menyatakan bahawa Kerajaan berperanan sebagai majikan atau pihak utama yang bertanggungjawab menyediakan pekerjaan apabila pihak swasta gagal menyediakan kerja, terutamanya dalam keadaan ekonomi yang murung akibat beberapa faktor seperti kesan pandemik yang berlarutan. Skim Jaminan Kerja menjamin kerja sepenuh masa tetap dengan gaji tetap kepada sesiapa sahaja yang memerlukan kerja.

Skim ini berasaskan prinsip pekerjaan sebagai hak asasi seseorang individu. Peluang pekerjaan mestilah tersedia agar rakyat dapat meneruskan kehidupan yang stabil dengan perlindungan sosial yang munasabah. Skim tersebut berhasrat untuk mencapai pengangguran sifar dan memastikan bahawa semua rakyat mempunyai pekerjaan dan berupaya memperoleh gaji sara hidup (*living wage*).

Jaminan kerja oleh kerajaan mampu menyelamatkan warga pekerja daripada melibatkan diri dalam pekerjaan tidak rasmi yang bersifat tidak menentu (*precarious*). Kajian juga menunjukkan bahawa pekerja tetap berupaya menyimpan wang serta memperoleh kehidupan lebih stabil berbanding pekerja kontrak dan pekerja tidak rasmi. Kedua-dua jenis pekerjaan yang tidak begitu stabil ini biasanya ditawarkan oleh sektor swasta.

Antara perkara-perkara yang ingin PSM tekankan adalah:

- Penyediaan Kerja Industri Hijau
- Tambahkan Peluang Pekerjaan dalam Pertanian
- Infrastruktur Kesihatan
- Kerja-kerja penyediaan Infrastruktur dan pemuliharaan bangunan warisan negara.
- Kajian Perubatan dan Farmakologi
- Peluang kerja sebagai pekerja sosial
- Agensi Pemantauan Pelaksanaan
- Kerja Pengasuhan dan Pendidikan Awal
- Sosialisasi kan Kerja Rumah
- Pengubahsuaian Waktu Bekerja
- Peranan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-linked Companies) (GLC) sebagai penjana kerja

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

Henry, J. (2012, January 12). A [Federally-Funded Jobs Program? Lessons from the WPA](#). New Economic Perspectives.

[Job Guarantee Success in Argentina](#). (2004, December 2009). Bill Mitchell - Modern Monetary Theory.

[Proposal for Self Reliance, Full Employment & Price Stability](#). (2020, September 20). MMT India.

[Large-Scale Employment Guarantee Scheme in India Improving Over Time](#). (2014, September 1). Bill Mitchell - Modern Monetary Theory.

[The Green New Deal](#). (n.d.). The Gower Initiative for Modern Money Studies.

Justeru itu, PSM mengemukakan saranan seperti berikut untuk pelaksanaan segera Kerajaan.

Penyediaan Kerja Industri Hijau

Kerajaan perlu mewujudkan kerja yang memupuk pembangunan ekonomi hijau. Hal ini bermaksud kerja-kerja pemulihian alam sekitar termasuk aktiviti-aktiviti mengembangkan teknologi ekonomi lestari yang mampu menangani krisis iklim. Antaranya adalah:

- Beralih daripada sumber tenaga fosil ke sumber tenaga hijau. Terdapat pelbagai industri dan teknologi yang boleh dirancakkan. Sebagai contoh, sektor pembuatan panel solar untuk menghasilkan elektrik dari tenaga solar.
- Memberi tumpuan kepada sektor pemprosesan biomassa daripada kelapa sawit untuk penghasilan tenaga elektrik. Sektor ini juga masih gagal dikembangkan dengan berkesan walaupun teknologi untuk berbuat demikian sudah pun tersedia.
- Industri penjanaan elektrik hijau juga memerlukan keperluan penstoran tenaga elektrik dalam teknologi bateri litium atau teknologi lain seperti peranti alternatif berasaskan hidrogen.

Ketiga-tiga cadangan tersebut mampu menyediakan pekerjaan. Dianggarkan bahawa industri tenaga guna semula (*renewable*) atau kitar semula (*recycle*) seperti photovoltaik boleh menjana pada puratanya 6.96 hingga 11.01 kerja semegawatt tenaga elektrik yang dijanakan. Manakala tenaga dari biomass dianggarkan boleh menjana 0.78 sehingga 2.84 kerja semegawatt.

Jika kita membuat penganggaran, pencapaian penggunaan 10% dari tenaga solar fotovoltaik akan dapat menjana 20,000 hingga 30,000 pekerjaan.

Begitu juga, jika kita anggarkan penggunaan tenaga dari biomass sebanyak 25% maka bilangan kerja yang bakal diwujudkan adalah sebanyak 6000 hingga lebih 20,000 pekerjaan (menggunakan kapasiti 2017 sebanyak 34182 MW).

Tidak dinafikan juga bahawa terdapat sebilangan pekerjaan yang akan hilang daripada sektor industri tenaga fosil apabila kita beralih ke tenaga guna semula. Secara kasarnya, peralihan ini masih memberikan penambahan kerja bersih sebanyak 18000 hingga 49000. Hal ini jelas membuktikan potensi peralihan ke tenaga hijau dan peluang pekerjaan yang boleh dijana jika kerajaan menerajuinya.

Kerajaan juga boleh menjadi penjana utama pekerjaan jika kerajaan menerajui kerja-kerja pemuliharaan (*conservation*) hutan yang semakin tergugat. Pemuliharaan hutan simpanan, hutan bakau, santuari marin dan sebagainya yang terkesan akibat kegiatan ekonomi yang tidak terkawal boleh dipulihkan. Kerja sebegini memerlukan tenaga kerja yang besar.

Tambahkan Peluang Pekerjaan dalam Pertanian

Kerajaan harus menerajui sektor pertanian melalui kebun-kebun yang dimiliki oleh mereka. Penghasilan produk makanan harian rakyat seperti beras, ubi, sayur-sayuran, bawang dan sebagainya untuk kegunaan tempatan wajarlah diutamakan. Para petani dan pekerja di sektor pertanian harus menerima jaminan pendapatan yang lumayan, ditambah dengan ganjaran (incentive) jika produktiviti kebun dan sawah meningkat mengikut keadaan. Hal ini secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil pertanian import.

Berdasarkan statistik daripada AProf. Dr Abdul Shukor Juraimi, Pensyarah Fakulti Pertanian UPM, Malaysia hanya berjaya menghasilkan 71% beras , 66% buah-buahan , 40% sayuran dan 29% produk hasil ternakan yang menepati permintaan rakyat. Kajian beliau menunjukkan bahawa nilai makanan yang diimport adalah sekitar RM 50 billion.

Infrastruktur Kesihatan

Kerajaan harus mengambil lebih ramai pekerja sebagai pengkhidmat kesihatan seperti doktor, jururawat dan pakar perubatan lain yang diperlukan secara mustahak. Kerajaan harus

menggunakan peluang pengambilan kerja ini untuk mengimbangkan bilangan pakar dan pekerja kesihatan yang berlebihan di hospital swasta berbanding hospital awam.

Kerja-kerja penyediaan Infrastruktur dan pemuliharaan bangunan warisan negara

Kita perlu mengambil lebih ramai pekerja sebagai juruteknik, jurutera dan sebagainya untuk kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan asas rakyat. Sejauh mana pembinaan infrastruktur itu penting, begitu juga

kerja-kerja penyelenggaraan aset-aset ini. Oleh yang demikian, kita juga memerlukan ramai tenaga kerja untuk kerja pemulihan dan pemuliharaan bangunan-bangunan bersejarah yang dianggap sebagai warisan negara.

Kajian Perubatan dan Farmakologi

Bidang kajian amat penting untuk membina suatu kapasiti dalaman yang berdaya tahan dan mempunyai jati diri. Ketika pandemik ini, Malaysia masih tidak mempunyai kemampuan dalaman untuk menghasilkan vaksin dan peralatan perubatan.

Kajian perubatan dan farmakologi adalah suatu sektor yang penting. Jika

kajian perubatan dan farmakologi dikembangkan dengan penghasilan paten kita sendiri, maka kapasiti untuk penghasilan ubat dan vaksin untuk melawan pandemik akan lebih kukuh pada masa akan datang. Hal ini menguatkan lagi Malaysia untuk bergerak dengan autonomi tanpa bergantung pada bekalan luar.

Peluang kerja sebagai pekerja sosial

Pembasmian kemiskinan adalah antara tanggungjawab terpenting kerajaan. Namun begitu, tanggungjawab tersebut seolah-olah dipinggirkan kerana bilangan kakitangan yang terlibat sebagai pekerja sosial sepenuh masa daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak mencukupi. Maka kita memerlukan lebih ramai pegawai atau pekerja sosial yang boleh turun ke padang dan memantau serta

menyediakan bantuan kepada lapisan rakyat yang memerlukannya.

Jika pekerja-pekerja sosial ini ditempatkan di lokasi-lokasi miskin bandar seperti Perumahan Projek Rakyat (PPR), maka keluarga-keluarga yang amat memerlukan bantuan dapat dikenalpasti. Dengan ini, bantuan dapat disalurkan secara terus kepada mereka.

Agenzi Pemantauan Pelaksanaan

Kebertanggungjawaban (*accountability*) adalah suatu aspek yang penting dalam perlaksanaan program-program kerajaan. Oleh itu, tidak boleh dinafikan kepentingan untuk menyediakan peluang pekerjaan untuk jawatan-jawatan yang dapat mengkaji dan memantau pelaksanaan segala program dan tatacara urusan pentadbiran kerajaan.

Sebagai contoh, pemantauan proses perolehan oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Pemantauan rundingan tender, pemberian hakmilik tanah dan aset oleh agensi-agensi Kerajaan juga disyorkan. Secara tidak langsung langkah tersebut membantu usaha pembasmian rasuah dan melicinkan tugas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga.

Kerja Pengasuhan dan Pendidikan Awal

Penyediaan rumah asuhan dan tadika awam harus diperbanyakkan. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan peluang pekerjaan, malah akses kepada pendidikan awal kanak-kanak dalam lingkungan B40 dapat dijamin. Kini, kos pendidikan pra sekolah kian meningkat akibat sekolah dan tadika swasta yang kian berlambak. Rakyat berpendapatan sederhana tertekan untuk menampung kos asuhan dan pendidikan awal swasta ini. Oleh itu, Kerajaan harus kembali ke tanggungjawab asasnya ini, sekaligus meningkatkan peluang pekerjaan.

Sosialisasikan Kerja Rumah

Kerja rumah yang biasanya dipertanggungjawabkan keatas golongan wanita dan ibu mestilah dipadankan dengan ganjaran yang setimpal. Selain daripada kerja pengasuhan kanak-kanak, kita juga perlu membuka minda untuk melihat bagaimana tugas-tugas lain yang biasanya tersembunyi dalam kongkongan keluarga dan rumah

boleh disosialisasikan dan ditanggung bebannya bersama komuniti.

Sebagai contoh, kerja seperti penjagaan warga tua, pembelian barang, penjagaan ahli keluarga yang tidak sihat, pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak serta mereka yang kurang upaya.

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

Knowledge & Research: The Malaysia Development Experience Series. (2020). [A Silver Lining: Productive and Inclusive Aging for Malaysia](#). World Bank Group: Inclusive Growth & Sustainable Finance Hub in Malaysia.

Pengubahsuaian Waktu Bekerja

Dengan mengawal waktu bekerja seseorang, dipercayai bahawa produktiviti para pekerja akan lebih terjamin.

Pekerja selalunya terpaksa membuat kerja lebih masa (overtime) kerana pendapatan asas mereka tidak mencukupi. Maka golongan pekerja sangat mengharapkan gaji tambahan diperolehi daripada kerja lebih masa. Gaji yang munasabah untuk tempoh

lapan jam mampu mengurangkan, malah mengatasi kecenderungan pekerja untuk bekerja sampai dua syif berterusan. Justeru itu, slot syif yang berikutnya boleh dibuat oleh pekerja lain sekaligus menambahkan peluang pekerjaan.

Dicadangkan kerajaan tetapkan waktu bekerja selama 35 jam seminggu daripada 40 jam seminggu.

Peranan Syarikat Anak Kerajaan (Government-linked Companies)

Peranan GLC sebagai penjana kerja harus ditingkatkan. Keupayaan bersama kesemua syarikat kerajaan ini nampaknya berfungsi sebagai entiti yang terpisah antara satu sama lain dan tidak digabungkan kebolehan mereka untuk mencapai hasrat polisi kerajaan.

Jika keuntungan syarikat-syarikat digabungkan bersama, maka tabung bersepadu ini boleh digunakan oleh kerajaan untuk menerajui pelbagai projek-projek tersebut.

Akta Anti-Diskriminasi Tempat Kerja

Suatu Akta Anti Diskriminasi Tempat Kerja harus diperkenalkan untuk memastikan sesiapa sahaja tidak dimangsakan atas dasar , kaum , agama, gender, orientasi seksual , kekurangan upaya (OKU) dan juga mereka yang memerlukan bantuan perubatan. Tiada diskriminasi dalam pengambilan kerja, kenaikan pangkat dan sebagainya.

Teras 3

PERUMAHAN HAK RAKYAT

Perumahan adalah hak asasi manusia sejagat yang perlu dititikberatkan oleh setiap kerajaan yang memerintah negara ini. Penyediaan rumah mampu milik adalah kewajipan kerajaan dan tidak seharusnya diperlekehkan atau diabaikan.

Kerja-kerja PSM berkaitan isu perumahan dan tuntutan-tuntutan selama ini boleh disimpulkan dan dikategorikan untuk memberi satu gambaran jelas perjuangan kita.

Tuntutan untuk kempen ini adalah seperti berikut:

- Perumahan Sewa untuk golongan miskin Bandar B20
- Harga Rumah Mampu Milik Keluarkan Dari Pasaran
- Hentikan pengusiran paksa - Rumah ganti Rumah atau Lot /Henti Lelong rumah B40
- Tubuhkan Amanah tidak bermotifkan keuntungan (Non Profit Trust) untuk bekalkan perumahan B40/M40
- Pemulihan Rumah Pangsa Kos Rendah

Perumahan Sewa untuk Golongan Miskin Bandar B20

PSM cadangkan untuk pembinaan rumah sewa di setiap kawasan Parlimen di Malaysia (bilangan unit mengikut ratio penduduk B40) dan menyewakan berdasarkan skim perumahan mampu sewa. Ini membolehkan masyarakat yang terpinggir mampu hidup berbungung dengan kadar sewa yang paling minimum.

Kuota rumah majlis (*council*) khas untuk gelandangan (*homeless*) juga harus disediakan. Sewanya mestilah antara RM100 hingga RM200 sebulan agar keluarga B20 tidak tertekan mengurangkan perbelanjaan untuk keperluan asas mereka yang lain. Saiz rumah mestilah dibina dengan ukuran minimum 900 kaki persegi untuk memenuhi keselesaan keluarga yang mendiami rumah tersebut.

Harga Rumah Mampu Milik Keluarkan Dari Pasaran

PSM sedar rakyat jelata berhak untuk ditawarkan perumahan yang tidak cenderung kepada keuntungan kaum pemodal. Pihak kapitalis dan kerajaan boneka pemodal selalunya menentang idea-idea perumahan untuk rakyat biasa yang tidak menguntungkan mereka. Kemudahan perumahan rakyat biasa tidak harus dijadikan komoditi untuk keuntungan golongan pemodal. Maka ianya harus dikeluarkan dari pasaran.

Keluarkan Penyediaan Perumahan Rakyat daripada Pasaran

Kerajaan perlu menggubal polisi perumahan negara untuk memastikan perumahan yang sesuai disediakan. Kerajaan seharusnya mengambil alih tanggungjawab menyediakan rumah pertama untuk rakyat daripada pihak swasta. Maka segala pengaruh faktor pasaran seperti harga tanah, evaluasi nilai tanah dan sebagainya dielakkan daripada menentukan kos dan harga rumah yang akan didirikan untuk warga B40. Kos tanah harus diserap oleh kerajaan negeri.

Perumahan untuk golongan miskin mesti ada jaminan pinjaman bank yang munasabah dengan faedah yang amat rendah oleh pihak berkuasa supaya rakyat mampu beli rumah kos rendah yang ditawarkan kepada mereka. Insurans rumah ‘Mortgage Reducing Term Assurance’ (MRTA) mesti diwajibkan untuk semua rumah yang dijual sebagai perlindungan jika pembeli kehilangan punca pendapatan untuk membayar ansuran rumah.

Hentikan spekulasi perumahan dengan mengenakan cukai yang lebih tinggi untuk pemilikan rumah ketiga dan selebihnya. Jika sesebuah rumah tersebut dibiarkan kosong lebih daripada tiga (3) bulan maka suatu denda (*penalty*) harus dikenakan. Hal ini demikian untuk mengurangkan pembelian rumah semata-mata demi pelaburan (*investment*) dan bukannya untuk didiami.

Hentikan Pengusiran - Tawarkan Lot / Rumah Ganti Rumah / Henti Lelong rumah B40

Kerajaan harus mengiktiraf peneroka bandar dan perkampungan yang diduduki oleh mereka. Sekiranya tanah tersebut adalah hak milik kerajaan, maka hak milik tanah tersebut sepatutnya ditawarkan kepada penduduk dan bukannya dijual kepada pemaju untuk keuntungan.

Wujudkan satu enakmen atau akta di mana kerajaan negeri atau pusat harus menyediakan skim perumahan atau lot tanah alternatif secara automatik sekiranya peneroka terpaksa diusir keluar kerana pembangunan kerajaan.

Untuk pembangunan swasta pula, kos perumahan peneroka harus dikongsi bersama oleh pemaju sebagai ganti rugi. Manakala, projek pembangunan swasta tersebut harus ditunda sehingga pemaju menunaikan kos tersebut. Skim Perumahan Sendiri Tun Abdul Razak untuk pekerja Ladang

harus digubal sebagai undang-undang. Pengusiran pekerja yang telah mencecah usia persaraan wajar dihentikan dan skim perumahan ladang perlu disediakan. Selain itu, langkah melelong rumah rakyat perlu dihentikan sehingga pandemik ini berakhir. Sementara itu, sistem penstrukturkan untuk membolehkan peminjam membayar pada tahap yang mereka mampu hendaklah disediakan oleh pihak bank. Pembeli harus ditawarkan penstrukturkan pembayaran balik pinjaman yang lebih fleksibel.

Tubuhkan Amanah tidak bermotifkan Keuntungan (Non-Profit Trust) untuk bekalkan perumahan B40/M40

Kerajaan digesa untuk menubuhkan sebuah amanah tidak bermotifkan keuntungan (non-profit trust) untuk membekalkan perumahan B40/M40 ini. Amanah ini akan bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan perumahan untuk rakyat, mengelola permintaan dan membina rumah untuk rakyat dengan dana kerajaan.

Rumah yang dibina tidak harus digunakan untuk permodalan keuntungan tetapi untuk mengisi keperluan perumahan rakyat.

Rumah tersebut tidak boleh dijual kepada pasaran dan jika perlu, dijual balik dengan harga asal kepada trust untuk dibekalkan kepada mereka yang memerlukan.

Spekulasi harga rumah juga perlu dikawal. Jika gagal dijual balik, maka perlu diwujudkan perundangan yang membolehkan kerajaan membuat pengambilalihan rumah tersebut agar boleh diperuntukkan kepada semua pemohon B40 yang seterusnya.

Pemulihan Rumah Pangsa Kos Rendah

Majlis Perbandaran disarankan mengambil alih fungsi Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body*) (JMB). Flat kos rendah di mana Penghuni Flat Kos Rendah hanya membayar dua jenis cukai iaitu Cukai Tanah (setahun sekali) dan Cukai Pintu (enam bulan sekali) sepetimana rumah teres kos rendah.

Bayaran harus dibuat terus kepada Majlis Perbandaran dan Pejabat Tanah. Bayaran harus meliputi kutipan sampah, pembersihan koridor, pembersihan longkang, taman permainan, lampu jalan dan jalan raya dalam kawasan flat. Tindakan ini boleh menyelesaikan masalah penyelenggaraan perumahan flat B40 di seluruh negara.

Teras 4

TINGKATKAN KHIDMAT KESIHATAN AWAM

Memperkasa sistem kesihatan awam

- Meningkatkan jumlah hospital kerajaan di ibu-ibu bandar negeri
- Meningkatkan jumlah kaki tangan kesihatan – doktor, jururawat, pakar fisioterapi, ahli farmasi dan kaki tangan berkenaan
- Mewujudkan jawatan jururawat komuniti untuk memudahkan lawatan kes
- Meningkatkan kajian dan pembangunan tempatan justeru meningkatkan kapasiti penghasilan vaksin dan ubatan dalam negara

Libatkan 7000 doktor GP yang sedia ada dalam pengendalian kes penyakit kronik. Penyakit jangka masa panjang ini memerlukan penjagaan yang rapi untuk mengelakkan komplikasi. Sistem bayaran kapitasi wajar diamalkan supaya para pesakit mampu menerima rawatan secara percuma dan pendidikan kesihatan diutamakan.

Sebahagian daripada levi pekerja migran harus disalurkan ke Kementerian Kesihatan untuk membayai kos rawatan mereka. Caj rawatan yang dikenakan terhadap pekerja asing harus sama dengan caj yang dikenakan terhadap rakyat Malaysia.

90% peralatan perubatan harus ditanggung oleh kerajaan supaya rakyat tidak dibebani dengan bayaran yang tinggi untuk rawatan.

Mengawal penghijrahan doktor dari khidmat awam ke swasta dengan

- mengadakan moratorium terhadap hospital swasta baru. Hospital swasta yang sedia ada dibenarkan terus beroperasi namun hospital swasta baharu tidak dibenarkan dibina buat masa ini
- mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Khusus untuk kakitangan kesihatan
- memperkenalkan sistem sabatikal selama 3 bulan setiap 4 tahun bagi doktor pakar kerajaan
- penyelaras dan penyerapan semua hospital yang dipunyai oleh syarikat anak kerajaan (GLC) seperti KPJ atau Sime Darby agar tenaga kerja doktor pakar digunakan bersama untuk kepentingan pesakit hospital awam

Menambahkan peruntukan untuk kementerian Kesihatan

Pada tahun 2021, peruntukan bagi Kementerian Kesihatan adalah RM 32 bilion. Jumlah ini harus ditambah RM6 billion setiap tahun untuk 5 tahun yang akan datang supaya dapat membiayai program-program yang disyor di atas.

Perkhidmatan kesihatan berkualiti yang disubsidi oleh Kerajaan adalah ‘social wage’ kepada rakyat

Kewujudan “wage suppression” di Malaysia telah menyebabkan sebilangan orang ramai berkorban dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dengan menerima gaji yang jauh di bawah nilai pengeluaran pekerja kita. Oleh itu, perkhidmatan kesihatan yang berkualiti harus dipandang sebagai “social wage” yang telah pun di “pre-paid” oleh pekerja dan petani kita. Bajet perkhidmatan kesihatan awam harus dibiayai oleh cukai terhadap yang terkaya dan syarikat-syarikat besar.

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

Parti Sosialis Malaysia. (n.d). [Quality and Affordable Healthcare](#). Parti Sosialis Malaysia.

Parti Sosialis Malaysia. (2020, March 21). [Langkah-Langkah Tambahan untuk Kawal Wabak Covid-19 - Syor daripada Forum Kesihatan Rakyat](#). Sosialis.

Parti Sosialis Malaysia. (2018, November 23). [Kerajaan Perlu Lindungi Sistem Kesihatan Awam](#). Sosialis.

Parti Sosialis Malaysia. (2018, Ogos 31). [Cadangan PSM untuk Memperbaiki Sistem Kesihatan Awam](#). Sosialis.

Teras 5

TANGANI KRISIS IKLIM SEGERA

Krisis iklim juga sewajarnya menjadi tumpuan demi kebijakan negara Malaysia. Akibat kegiatan industri berteraskan pengautan untung yang tidak dikawal, bukan sahaja Malaysia malah seluruh dunia menghadapi krisis iklim yang bakal mempusukan spesies manusia. Lapisan ozon semakin menipis, paras laut semakin meningkat dan cuaca semakin aneh. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah yang sepatutnya demi membanteraskan isu tersebut. Setelah memperhatikan data berkenaan, masalah yang khusus kepada negara kita telah dikenalpasti. Matlamat yang kita perlu capai demi mengatasinya adalah seperti berikut:

- Penggunaan 100% Tenaga Boleh Baharu Sebelum 2035
- Penanganan Pencemaran Daripada Industri Petroleum
- Pengutamaan Pengangkutan Awam
- Pelaksanaan Moratorium Kekal Terhadap Pembalak di Hutan Primer

Penggunaan 100% Tenaga Boleh Baharu Sebelum 2035

Sektor penjanaan tenaga elektrik merupakan pengeluar gas rumah hijau tertinggi di Malaysia, khususnya di Semenanjung Malaysia. Hal ini dapat dilihat pada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menghasilkan sebanyak 66% daripada permintaan elektrik dengan pembakaran arang batu manakala 24% dihasilkan dengan pembakaran fosil-metana (gas asli). Malaysia perlu beralih kepada 100% sumber tenaga boleh baharu sebelum 2035.

Oleh itu, kerajaan perlu:

- Meningkatkan kecekapan tenaga dengan drastik dalam sektor industri dan komersial.
- Melaksanakan moratorium terhadap janakuasa bahan api fosil.
- Meningkatkan penjanaan daripada Tenaga Boleh Baharu (TBB).
- Menggunakan bio-metana daripada sisa organik, POME, tapak pelupusan sampah, sisa pertanian di stesen janakuasa gas.
- Membina sistem grid tenaga pintar sebelum 2025.
- Membina sistem grid tenaga untuk membawa kuasa hidro Sarawak ke Sabah sebelum 2024.
- Memperkuuh sistem Grid Tenaga ASEAN (APG).

Penanganan Pencemaran Daripada Industri Petroleum

Industri petroleum negara mengeluarkan 8.30% daripada GHG di Malaysia melalui aktiviti penerokaan, perlombongan, penghasilan dan penapisan petroleum dan fosil-gas. Kebanyakan pencemaran GHG daripada industri petroleum adalah hasil kegiatan venting dan flaring yang boleh dielakkan dengan teknologi sedia ada. Oleh itu, kerajaan perlu mengharamkan pelepasan pencemar fugitif seperti venting dan flaring daripada industri petroleum negara.

Pengutamaan Pengangkutan Awam

Pertambahan populasi bandar serta penggunaan kenderaan yang semakin bertambah di Malaysia melepaskan karbon dioksida yang berlebihan ke dalam atmosfera. Pembangunan jalan raya dan penggunaan kenderaan mengurangkan litusan vegetasi dan meningkatkan paras tenaga haba dalam atmosfera sehingga mengakibatkan isu seperti banjir kilat, kenaikan suhu bandar, kesesakan jalan raya dan juga pencemaran kualiti air dan udara.

Secara umumnya, majoriti daripada pelepasan bahan pencemar udara adalah daripada sektor pengangkutan selain daripada pelepasan industri dan pembakaran terbuka. Dianggarkan sebanyak 88% daripada masyarakat Malaysia menggunakan kenderaan persendirian dan dilaporkan bahawa pelepasan gas karbon dioksida di Lembah Klang adalah sebanyak 337,800 tan setahun.

Oleh itu, kerajaan perlu:

- Membangunkan sistem pengangkutan awam yang mampan bagi memudahkan pergerakan rendah karbon.
- Mewujudkan pengangkutan awam berasaskan “Bas Mass Transit (BMT)” di semuar bandar di Malaysia.
- Pengangkutan BMT perlu mengutamakan bas elektrik untuk mengurangkan pencemaran udara daripada enjin diesel.

Pelaksanaan Moratorium Kekal Terhadap Pembalakan di Hutan Primer


Hutan primer terdiri daripada spesies asli yang telah berkembang secara semulajadi, dengan sedikit atau tanpa bukti kegiatan manusia, termasuk hutan yang pulih daripada bencana alam. Hutan primer mempunyai biodiversiti yang lebih tinggi daripada hutan sekunder yang menggantikannya. Antara contoh hutan sekunder yang wujud di Malaysia adalah hutan tropikal dan hutan paya bakau.

Kerajaan perlu melaksanakan:

- Moratorium kekal terhadap aktiviti pembalakan dan perlombongan dalam hutan primer
- Pewartaan semua hutan primer sebagai hutan simpanan kekal (HSK)


Data

Carta 5.1: Perubahan Suhu di Semenanjung Malaysia




Sumber: BUR3 to the UNFCCC (halaman 3)

Carta 5.2: Perubahan Suhu di Sabah



Sumber: BUR3 to the UNFCCC (halaman 3)

Carta 5.3: Perubahan Suhu di Sarawak



Sumber: BUR3 to the UNFCCC (halaman 4)

Jadual 5.1: Rumusan Gas Rumah Hijau (GHG)

| PERAKAUNAN KARBON | | PELEPASAN (Gg CO ₂ , eq) | KADAR |
|--|-------------------|-------------------------------------|--------|
| SEKTOR | PELEPASAN SEKTORJ | UMLAH% | |
| Tenaga | 251,965.02 | | 75.21 |
| Proses Industri & Penggunaan Produk (IPPU) | 27,348.83 | | 8.17 |
| Sisa Buangan | 27,161.66 | | 8.12 |
| Penggunaan Tanah, Perubahan Penggunaan Tanah & Perhutanan (LULUFC) | 17,801.27 | | 5.32 |
| Pertanian | 10,627.72 | | 3.18 |
| | | 334,634.50 | 100.00 |
| Pengasingan | | | |
| Penggunaan Tanah, Perubahan Penggunaan Tanah & Perhutanan (LULUFC) | -259,146.03 | | |
| | | -259,146.03 | -77.44 |
| PELEPASAN BERSIH (Gg CO₂ eq) | | 75,488.48 | +22.56 |

Berdasarkan garis dasar pada tahun 2016, Malaysia perlu mengurangkan CO₂eq sebanyak 22.56%, bersamaan 75,488,480 tan metrik (MT) untuk mencapai status karbon neutral.

Jadual 5.21: Rumusan Tiang Kelima

| | Kadar (%) | Penyumbang | Langkah Mengatasinya | Pengurangan (%) |
|---|-----------|--|---|-----------------|
| Penggunaan 100% Tenaga Boleh Baharu Sebelum 2035 | 30.79 | Tenaga Nasional Berhad (TNB) Sarawak Energy Berhad (SEB) Pengeluar Tenaga Bebas (IPPs) | Meningkatkan kecekapan tenaga dengan drastik dalam sektor industri dan komersial. Moratorium terhadap jana kuasa bahan api fosil. Meningkatkan penjanaan TBB. Menggunakan bio-metana daripada sisa organik, POME, tapak pelupusan sampah, sisa pertanian di stesen jana kuasa gas. Membina sistem grid tenaga pintar. Membina sistem grid tenaga untuk membawa kuasa hidro berlebihan dari Sarawak ke Sabah. Memperkuat sistem Grid Tenaga ASEAN (APG). | - 30.48% |
| Pencemaran Daripada Industri Petroleum | 8.30 | PETRONAS | Mengharamkan pelepasan fugitif seperti venting dan flaring daripada industri petroleum negara. | -8.30% |
| Pengangkutan Persendirian | N/A | Industri Automotif Kenderaan Sendiri | Mewujukan pengangkutan awam berasaskan "Bas Mass Transit" di semua bandar di Malaysia | N/A |
| Moratorium Terhadap Pembalakan & Perlombongan di Hutan Primer | 4.36 | Pembalakan Perhutanan | Moratorium kekal terhadap aktiviti pembalakan dan perlombongan dalam hutan primer. Mewartakan semua hutan primer sebagai hutan simpanan kekal (HSK). | N/A |

RUJUKAN DAN BACAAN TAMBAHAN

Malaysia BUR3-UNFCCC (2020, December). Malaysia's Third Biennial Update Report to the UNFCCC submitted by the federal government of Malaysia.

Buchmann, J. (2020, September 23). [How Can I Offset Our Carbon Footprint to Become a Carbon Neutral Company?](#) Planetary.org.

Union of Concerned Scientists, (2014, June 19). [Environmental Impacts of Natural Gas](#)

Noorazuan Md Hashim, (2010). [Analisis tren pemanasan global dan kesannya terhadap aspek dayahuni bandar di Malaysia](#)

Dr. Nor Eliani Ezani, (2019) [Zon Pelepasan Rendah, Suatu Inisiatif Menangani Pencemaran Udara](#)

RANGKUMAN

PSM terbina di atas usaha sama untuk memperkasakan golongan pekerja. Isu seperti kehilangan punca pendapatan dan jaminan sosial, isu perumahan, isu jaminan pekerjaan, isu krisis iklim dilihat merupakan tunjang kepada sebuah sistem yang mendiskriminasi golongan pekerja.

Isu jaminan sosial memainkan peranan integral kepada rakyat sebagai satu pemangkin kemaslahatan golongan pekerja serta golongan B40. Dalam memastikan kelangsungan kehidupan rakyat, aspek sosial perlu menjadi keutamaan dalam sistem kenegaraan yang mementingkan aspek ekonomi dan politik sahaja. Rakyat yang dibela adalah rakyat yang mampu hidup dengan aspek hidup sosialnya terjamin. Dalam memastikan aspek sosial terjamin, isu perumahan, jaminan pekerjaan serta isu krisis iklim akan memberi kesan kepada aspek sosial. Justeru, memastikan semua isu yang terkandung dalam dokumen ini tersemat dalam perjuangan rakyat adalah untuk memastikan rakyat mempunyai kelangsungan kehidupan di atas hak yang dimiliki bersama.

Langkah-langkah yang telah dibentangkan dalam dokumen ini bukanlah langkah yang tidak mampu dicapai malahan merupakan langkah penyelesaian yang akan terbukti berjaya membela nasib rakyat sekiranya diambil. Namun, sistem kapitalisme yang melarat telah membentuk satu negara yang menguburkan sebarang langkah untuk memastikan hak rakyat terutamanya hak golongan terpinggir terjamin serta membuatkan jurang sosioekonomi yang besar di antara golongan elit dan golongan bawahan.

Solidariti rakyat diperlukan dalam memastikan isu yang menekan golongan pekerja dibasmi bersama berlandaskan naluri kemanusiaan, Maka, PSM bertanggung jawab untuk mengorak langkah alternatif dalam memastikan golongan pekerja dibela lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik. Rakyat mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam proses perancangan.

Tuntutan-tuntunan dokumen ini berharap dapat membantu rakyat bersama untuk menentukan hala tuju pembangunan negara. Rakyat juga diseru untuk menyumbang tenaga kepada pihak PSM untuk mengetengahkan tuntutan yang dibawa kepada ruang perbicaraan kelompok serta ruang awam supaya dapat memastikan tuntutan yang terkandung dalam dokumen dapat diamati.